

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN PERAYAAN HARI KOPERASI ANTARABANGSA KELIMA PULUH TIGA DI DEWAN TUANKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR  
PADA 7<sup>HB</sup> JULAI, 1975

Y.B. Encik Ghafar Baba<sup>1</sup>, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Encik Abdul Ghafar Baba dan juga kepada Jawatankuasa Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa kerana telah sudi menjemput saya hadir bersama-sama dalam Majlis Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa Kelima Puluh Tiga pada petang ini.

Sepatutnya kita mengadakan perayaan ini pada 5 haribulan Julai iaitu dua hari yang lalu, tetapi kerana sesuatu sebab terpaksa ditunda hingga hari ini. Pada ingatan saya inilah pertama kali saya dapat hadir bersama di dalam Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa yang kita sambut setiap tahun di masa lalu.

Selanjutnya sukalah saya merakamkan pujian kepada Jawatankuasa Perayaan ini yang dipengerusikan oleh Professor Ungku Aziz, Yang di-Pertua Angkasa. Kerjasama yang ditunjukkan oleh semua pihak yang berkenaan iaitu Jabatan Kemajuan Kerjasama, Lembaga Pertubuhan Peladang, Majuikan bagi mengadakan perayaan ini adalah memberikan erti yang besar dalam usaha menjalin semangat kerjasama dan merapatkan perpaduan di kalangan koperasi-koperasi yang sedang bergerak dengan giatnya di seluruh negara.

Sempena dengan sambutan Hari Koperasi Antarabangsa ini, barangkali ada baiknya kita meninjau ke belakang dan menganalisa semula langkah dan usaha yang telah dijalankan di masa lampau untuk memajukan gerakan koperatif sebagai satu strategi pembangunan masyarakat.

---

<sup>1</sup> Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Kita boleh berbangga hari ini dengan adanya beberapa pertubuhan koperasi yang besar-besar di peringkat nasional—LPP dan Majuikan yang menggabungkan rural agro-based co-operatives sementara MCIS, MOCCIS dan Multi-purpose Co-operative Malaysia antara Urban Co-operative yang paling maju.

Dua puluh tahun lalu, semasa pentadbiran kolonial cuba mengembangkan koperasi di kampung-kampung, terdapat beberapa contoh di mana setengah-setengah ahli Jawatankuasa Koperasi Kampung itu tidak tahu membaca dan menulis dan apatah lagi tidak tahu pula menjaga Buku Kira-kira. Sekarang, dengan adanya Maktab Kerjasama dan latihan-latihan lain, keadaan koperasi pada amnya adalah lebih baik dan lebih cergas, tidak semata-mata menyimpan dan meminjamkan wang kepada ahli-ahlinya.

Saya fikir kena juga pada tempatnya saya merakamkan penghargaan kepada beberapa orang tokoh koperasi yang juga tokoh politik kerana usaha mereka memajukan gerakan yang sangat berfaedah ini. Datuk Lee San Choon<sup>2</sup> berjaya memimpin Multi-purpose Co-operative yang bergiat di lapangan perniagaan, kenderaan dan juga perumahan. Tun Sambanthan<sup>3</sup> tidak ketinggalan dengan National Land Finance Society-nya dan Tengku Ahmad Rithauddeen<sup>4</sup> dengan Pengangkutan Sri Nilam di Kota Bharu. Pada hemat saya, ini adalah satu kemajuan dan contoh yang boleh dibanggakan dan seharusnya Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa ini akan memberi inspirasi kepada tokoh-tokoh lain menubuhkan koperatif masing-masing pula.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti dimaklum, Kerajaan sentiasa memberikan galakan dan dorongan kepada semua golongan masyarakat supaya menceburkan diri dalam gerakan Koperasi di negara ini kerana kita percaya bahawa koperasi boleh memainkan peranan yang efektif dalam pembangunan ekonomi negara terutama usaha Kerajaan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Gerakan

---

<sup>2</sup> Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

<sup>3</sup> Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Lembaga Perpaduan Negara.

<sup>4</sup> Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas.

Koperasi di negara-negara maju di Eropah seperti Sweden, Denmark dan Germany, Jepun, Canada dan Australia telah memberikan sumbangan yang sangat berharga.

Begitu juga di negara-negara sosialis seperti Romania, Yugoslavia dan Poland, sudah tentulah Gerakan Koperasi di negara ini kalau betul perjalanannya serta mendapat pengawasan dan bantuan akan membawa hasil yang dicita-citakan.

Saudara-saudara sekalian,

Gerakan Koperasi di negara kita bermula dalam tahun 1922, tetapi seperti saya katakan tadi, oleh kerana tidak mempunyai motivation yang sebenar, tidak banyak hasil yang dicapai kecuali beberapa koperasi kakitangan Kerajaan yang mempunyai ahli berpuluh ribu dan modal beberapa juta ringgit banyaknya.

Gerakan Koperasi di luar bandar juga tidak membawa kesan yang besar. Oleh itu Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang dan Majuikan dengan tujuan untuk memajukan koperasi peladang dan koperasi nelayan yang banyak itu. Saya difahamkan masa ini semua koperasi peladang dan koperasi nelayan yang dahulunya di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Kerjasama telahpun diserahkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang dan Majuikan untuk mentadbirkannya. Langkah ini sangatlah wajar memandang pada perkembangan ekonomi hari ini.

Setiap ahli koperasi tentu tahu bahawa kejayaan sesebuah kooperatif itu bergantung pada tiga sifat penting iaitu ahli yang ramai, modal yang besar dan badan pengurusan yang cekap, jujur serta terlatih. Untuk memenuhi sifat-sifat inilah maka kita mengemukakan satu konsep baru iaitu menggabungkan koperasi-koperasi kecil yang mempunyai fungsi yang sama, sama ada pertanian atau perikanan dan sebagainya menjadi koperasi besar mengikut keperluan sesuatu tempat atau kawasan. Saya sukacita Lembaga Pertubuhan Peladang telahpun mengambil langkah menggabungkan semua koperasi peladang di Semenanjung Malaysia yang beribu jumlahnya menjadi hanya 210 koperasi peladang di dalam 210 kawasan pembangunan pertanian yang ditentukan. Usaha mencantumkan koperasi-koperasi nelayan sedang dijalankan oleh Majuikan.

Tidak berapa lama dulu, Y.B. Encik Ghafar Baba mengumumkan koperasi-koperasi yang selainnya di Semenanjung Malaysia di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Kerjasama akan dicantumkan mengikut daerah masing-masing untuk menjadi sebuah koperasi daerah yang diberi nama Koperasi Perdagangan dan Perusahaan Daerah. Satu "blueprint" dan model Undang-undang Kecil bagi Koperasi Perdagangan dan Perusahaan Daerah ini telah juga disediakan oleh Jabatan yang berkenaan. Sungguhpun konsep ini adalah baik tetapi memandang pada bentuk dan corak koperasi yang berbagai rupa itu saya fikir eloklah dikaji dengan mendalam lagi sebelum diambil langkah-langkah percantuman itu selanjutnya.

Percantuman koperasi-koperasi daerah ini tidak akan melibatkan koperasi besar bertaraf kebangsaan yang kegiatannya meliputi satu-satu negeri ataupun seluruh negara. Bahkan di mana-mana patut, koperasi besar ini akan digalakkan supaya bergabung untuk mengukuhkan lagi pendirian koperasi-koperasi itu.

Saudara-saudara sekalian,

Hari ini bolehlah dikatakan bahawa Gerakan Koperasi telah mencapai satu peringkat baru iaitu pada konsep perjuangannya dan perjalanannya. Namun demikian kejayaan ini masih belum seimbang antara Urban Co-operatives dan Rural Co-operatives. Urban Co-operative nyata jauh maju ke depan dan bergerak dalam beberapa lapangan termasuk perkilangan, insuran, supermarket dan pelancungan. Saya rasa adalah elok kalau Urban Co-operatives ini memikirkan apa jua langkah bantuan yang patut terhadap Rural Co-operatives khususnya di bandar-bandar kecil dan yang bakal ditubuhkan di pusat-pusat pertumbuhan baru (new growth centres) dalam kawasan Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan juga rancangan-rancangan Felda. Dengan ini dapatlah dirapatkan jurang antara kedua-kedua sektor itu.

Gerakan Koperasi akan dapat berjalan dengan lebih lancar lagi apabila Pindaan Undang-undang Koperatif diluluskan oleh Dewan Rakyat pada sidang Parlimen yang akan datang. Saya difahamkan wakil-wakil koperatif turut sama memberikan syor dan pandangan terhadap pindaan Undang-undang itu dalam Jawatankuasa Kecil

yang diketuai oleh Encik Mokhtar Hashim<sup>5</sup>. Sepatutnya ahli-ahli Gerakan Koperasi berpuashati dengan pindaan-pindaan yang dikehendaki itu.

Saudara-saudara sekalian,

Rancangan Malaysia Kedua akan selesai tempohnya akhir tahun ini dan sekarang kita sedang merancang Rancangan Malaysia Ketiga. Saya ingin melihat Gerakan Koperasi meningkatkan lagi usahanya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga itu agar mempercepatkan pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Badan-badan Koperatif yang besar patut sudah merancang program yang akan dilaksanakan kelak dan dalam hubungan ini Angkasa sebagai gabungan agung hendaklah sama-sama menyelaraskan kegiatan-kegiatan yang akan dijalankan itu. Projek Koperasi Nasional Sekolah-sekolah adalah satu contoh yang baik dan patut diluaskan lagi ke negeri-negeri lain setelah mendapat pengalaman dan kejayaan di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Saudara-saudara sekalian,

Sempena dengan Perayaan Hari Koperasi ini, suka saya mengumumkan penukaran nama Jabatan Kemajuan Kerjasama yang dipakai sejak zaman penjajahan dahulu dengan penggilan yang lebih sesuai hari ini iaitu Jabatan Pembangunan Koperasi, selaras dengan konsep baru dan matlamat membangunkan Gerakan Koperasi di negara ini yang lebih giat dan gagah lagi pada masa hadapan. Semoga perubahan nama Jabatan ini akan memberikan semangat baru dan azam yang lebih kuat lagi kepada ahli-ahli koperasi kita dan juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan yang berkenaan supaya mereka bertugas dengan penuh minat, jujur dan dedikasi.

Akhir kata, saya berdoa mudah-mudahan perhimpunan kita petang ini diberkati Allah dan Gerakan Koperasi di negara kita akan terus maju dan berkembang dengan sebaik-baiknya demi kepentingan bangsa dan negara.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih, saya dengan sukacita merasmikan Perayaan Koperasi Antarabangsa Yang Kelima Puluh Tiga ini.

---

<sup>5</sup> Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein dengan diiringi oleh Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Abdul Ghafar bin Baba dan Profesor Ungku Aziz, Yang Di Pertua ANGKASA sewaktu merasmikan Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa Yang Kelima puluh tiga di Dewan Tunku Abdul Rahman Kuala Lumpur pada 7hb Julai, 1975